



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PERCUKAIAN PERKONGSIAN  
BAHAGIAN I – PENENTUAN  
KEWUJUDAN SUATU PERKONGSIAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 7/2021**

**TARIKH PENERBITAN: 29 DISEMBER 2021**



**PERCUKAIAN PERKONGSIAN  
BAHAGIAN I – PENENTUAN  
KEWUJUDAN SUATU PERKONGSIAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 7/2021  
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2021**

---

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Pertama

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan Kepada Perkongsian	2
5. Ciri-Ciri Suatu Perkongsian	2
6. Kewujudan Suatu Perkongsian	4
7. Jenis-Jenis Perkongsi	14
8. Akaun Perkongsian	16
9. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	17
10. Penafian	17

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menyediakan suatu penerangan terhadap penentuan kewujudan suatu perkongsian bagi tujuan cukai pendapatan.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 20, subseksyen 19(6), 70(2), 86(1) dan 86(3) dan perenggan 4(a) dan 4(b).

## 3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Perkongsian” ertinya suatu sekutuan dalam apa jua bentuk (termasuk duga niaga bersama, sindiket dan kes di mana satu pihak kepada sekutuan adalah dengan sendirinya suatu perkongsian) antara pihak yang bersetuju untuk menggabungkan apa-apa hak, kuasa, harta, tenaga atau kemahiran mereka bagi tujuan menjalankan perniagaan dan berkongsi keuntungan daripadanya, tetapi ia tidak termasuk satu keluarga sekutu Hindu walaupun keluarga sedemikian boleh menjadi perkongsian dalam suatu perkongsian, perkongsian liabiliti terhad atau mana-mana sekutuan yang ditubuhkan mengikut satu skim pembiayaan bersesuaian dengan prinsip Syariah.

3.2 “Perniagaan” termasuk profesion, pencarian dan perdagangan dan setiap pengilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk suatu penggajian.

3.3 “Individu” bermaksud orang biasa.

3.4 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.

3.5 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

3.6 “Kumpulan orang” bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan sebagai suatu syarikat), termasuk suatu keluarga sekutu Hindu tetapi tidak termasuk suatu perkongsian.

- 3.7 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.8 “Tahun asas” bermaksud tahun kalendar yang bersamaan dengan suatu tahun taksiran.

#### 4. Pengenalan Kepada Perkongsian

- 4.1 Suatu perkongsian secara umum adalah suatu persetujuan oleh dua atau lebih orang untuk menjalankan perniagaan bersama dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Perkongsian di Malaysia perlu didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang mana dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 4.2 Walaupun suatu perkongsian adalah suatu hubungan yang sah, ia tidak diperakui di sisi undang-undang sebagai suatu entiti undang-undang berasingan kerana suatu perkongsian itu tidak berbeza daripada pekongsi yang membentuknya. Di Malaysia, keuntungan perniagaan suatu perkongsian tidak dikenakan cukai pada peringkat perkongsian tetapi cukai dikenakan di tangan setiap pekongsi berdasarkan bahagian pendapatan pekongsi daripada perkongsian itu pada kadar cukai yang berkaitan.

#### 5. Ciri-Ciri Suatu Perkongsian

Ciri-ciri suatu perkongsian adalah berdasarkan kepada tafsirannya menurut Akta Perkongsian 1961 dan ACP seperti berikut:

- 5.1 Ciri-ciri perkongsian menurut Akta Perkongsian 1961 (AP)
  - 5.1.1 Suatu perkongsian didefinisikan sebagai “perhubungan yang wujud di antara orang-orang dalam menjalankan perniagaan bersama dengan tujuan mendapat keuntungan”. Persetujuan kepada suatu perkongsian boleh wujud secara lisan, atau bertulis menerusi satu surat ikatan rasmi. Walau bagaimanapun, suatu persetujuan sahaja tidak mencukupi untuk membentuk perkongsian kerana perlu ada keterlibatan oleh pekongsi dalam menjalankan perniagaan bersama dengan tujuan mendapatkan keuntungan.
  - 5.1.2 Suatu perkongsian adalah suatu pertubuhan di antara minimum dua (2) tetapi tidak lebih daripada dua puluh (20) orang kerana ianya menyalahi seksyen 13 Akta Syarikat 2016 (AS). Orang-orang yang menubuhkan suatu perkongsian secara individunya dinamakan pekongsi dan secara kolektif dinamakan suatu firma. Nama di bawah mana perniagaan perkongsian tersebut dijalankan dinamakan nama firma.

- 5.1.3 Pekongsi dalam suatu perkongsian perlu menjalankan suatu perniagaan bersesama. Perniagaan termasuk setiap perdagangan, pekerjaan, atau profesion. Perniagaan bersama adalah keterlibatan pekongsi dengan tujuan yang sama, berkongsi hak dan tanggungjawab dalam perniagaan perkongsian tersebut. Jika hanya terdapat suatu niat oleh pekongsi untuk memulakan perniagaan atau melakukan tindakan-tindakan permulaan tanpa keterlibatan nyata pekongsi, ianya tidak semestinya membentuk suatu perkongsian.
- 5.1.4 Perniagaan bersama tersebut hendaklah dijalankan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Dalam membentuk suatu perkongsian, pekongsi perlu bersetuju untuk menjalankan suatu perniagaan yang berkongsi keuntungan dan kerugian perniagaan. Dengan itu, semata-mata berkongsi suatu pendapatan kasar perniagaan atau perbelanjaan iaitu yang bukan pada peringkat berkongsi keuntungan atau kerugian, tidak membentuk suatu perkongsian.
- 5.1.5 Sekutuan tertentu dikecualikan bagi maksud suatu perkongsian iaitu jika perhubungan di antara ahli-ahli sesuatu syarikat atau sekutuan yang -
- (a) berdaftar sebagai suatu syarikat di bawah AS atau suatu koperasi yang berdaftar di bawah apa-apa undang-undang bertulis berkaitan koperasi; atau
  - (b) ditubuhkan atau diperbadankan menurut –
    - (i) mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya daripadanya; atau
    - (ii) mana-mana surat kurnia, Piagam Diraja atau Akta Parlimen United Kingdom.

Sebagai contoh pertubuhan amal atau keagamaan, kelab, persatuan, koperasi, pemegang saham dalam sebuah syarikat terhad atau ahli suatu sekutuan jika ditubuhkan di bawah apa-apa Akta Parlimen, begitu juga organisasi manfaat bersama dan pertubuhan membina tidak dianggap sebagai suatu perkongsian.

## 5.2 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP)

Seksyen 2 ACP mendefinisikan perkongsian sebagai –

- (a) suatu jenis sekutuan antara orang-orang terlibat dalam suatu perniagaan;

- (b) suatu persetujuan (dinyatakan atau tersirat) antara orang-orang yang menggabungkan hak, kuasa, harta atau kemahiran mereka bagi tujuan menjalankan suatu perniagaan;
- (c) suatu persetujuan (dinyatakan atau tersirat) antara orang-orang yang mempunyai satu objektif untuk memperoleh dan berkongsi keuntungan daripada menjalankan suatu perniagaan;
- (d) termasuk duga niaga bersama, sindiket dan kes di mana suatu pihak kepada sekutuan itu adalah dengan sendirinya suatu perkongsian;
- (e) tidak termasuk yang berikut -
  - (i) suatu keluarga sekutu Hindu sungguhpun keluarga sekutu Hindu itu boleh menjadi pekongsi dalam suatu perkongsian;
  - (ii) suatu perkongsian liabiliti terhad; dan
  - (iii) mana-mana persatuan yang ditubuhkan menurut satu skim pembiayaan mengikut prinsip-prinsip Syariah seperti suatu perkongsian yang ditubuhkan di bawah skim pembiayaan Musyarakah Mutanaqisah.

## 6. Kewujudan Suatu Perkongsian

Penentuan kewujudan suatu perkongsian adalah suatu persoalan perundangan berdasarkan fakta-fakta setiap kes.

### 6.1 Faktor penentuan kewujudan suatu perkongsian

Faktor penentuan sama ada suatu perkongsian wujud adalah dengan mengambil kira kaedah yang berikut:

- (a) Pemilikan bersama (penyewaan bersama, penyewaan sepunya, harta bersama, harta sepunya, milikan sebahagian) oleh dua atau lebih orang-orang tidak secara sendirinya mewujudkan suatu perkongsian tentang apa-apa jua yang sama ada dipegang atau dimiliki, dan sama ada mereka itu berkongsi atau tidak berkongsi apa-apa keuntungan yang diperolehi melalui penggunaannya;

Sebagai contoh, sepasang suami dan isteri secara bersama memiliki seunit kedai tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian walaupun pasangan itu menjalankan perniagaan mereka di kedai tersebut.

Pemilikan bersama terdiri daripada pemilikan bersama, pemilikan sepunya dan pemilikan sebahagian yang didefinisikan seperti berikut:

- (i) Pemilikan bersama bermaksud setiap pemilik mempunyai bahagian hak yang sama dalam surat ikatan, terletak hak pada masa, kepentingan, milikan dan hak kemandirian yang sama dalam aset itu. Ketika kematian seorang pemilik, kepentingannya dipindahkan kepada pemilik bersama yang masih hidup.
  - (ii) Pemilikan sepunya bila mana dua (2) atau lebih orang-orang boleh berkongsi, mempunyai kepentingan dan milikan bahagian tidak sama atau surat ikatan terletak hak pada masa berlainan walau pun setiap orang memiliki suatu bahagian daripada keseluruhan aset tersebut. Namun, tidak ada kemandirian dalam milikan sepunya dan seorang pemilik boleh memindahkan bahagiannya dalam aset tersebut kepada orang lain yang akan menjadi pemilik baharu dalam milikan sepunya.
  - (iii) Pemilikan sebahagian merujuk kepada pemilik yang membahagikan apa yang diperoleh dari penggunaan bahagian mereka dalam harta tanah yang dimiliki. Sebagai contoh, dua (2) orang pemilik bersama sebuah rumah menyewakannya kepada pihak ketiga dan pendapatan yang diterima dibahagikan di antara keduanya. Pemilik bersama tidak dianggap pekongsi walau pun mereka mungkin membelanjakan pendapatan itu untuk pembaikan sebelum diagihkan.
- (b) Berkongsi pulangan kasar tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian, sama ada orang-orang yang berkongsi pulangan tersebut ada mempunyai atau tidak ada mempunyai apa-apa hak atau kepentingan bersama atau am dalam apa-apa harta yang daripadanya yang mana atau yang daripada penggunaannya pulangan tersebut diperoleh;
- Sebagai contoh, Swee Lin memiliki sebuah pawagam dan Xiao Zhang yang mengurus persembahan yang diadakan di pawagam tersebut, bersetuju untuk berkongsi hasil jualan tiket, tidak membentuk suatu perkongsian.
- (c) Seorang yang menerima suatu bahagian keuntungan daripada suatu perniagaan adalah pada zahirnya bukti nyata (prima facie evidence) orang itu adalah pekongsi dalam perniagaan tersebut, tetapi penerimaan bahagian tersebut semata-mata, atau suatu pembayaran yang bergantung pada atau berubah dengan mengikut keuntungan suatu perniagaan, tidak dengan sendirinya menjadikan orang itu pekongsi dalam perniagaan tersebut atau bertanggungjawab sedemikian; dan terutamanya -
- (i) seorang yang menerima suatu hutang atau amaun kecairan lain, sama ada secara ansuran atau selainnya, daripada keuntungan terakru suatu



perniagaan tidak dengan sendirinya menjadikan orang itu pekongsi dalam perniagaan tersebut atau bertanggungjawab sedemikian;

Suatu perkongsian tidak wujud di mana seseorang yang menyerahkan kepada pemiutangnya tanah miliknya untuk menjalankan suatu perniagaan dan keuntungan daripada perniagaan tersebut digunakan untuk membayar pemiutang itu.

- (ii) suatu kontrak untuk saraan seorang pengkhidmat atau ejen seseorang yang melibatkan diri dalam sesuatu perniagaan dengan menerima suatu bahagian daripada keuntungan perniagaan yang dikongsi tidak dengan sendirinya menjadikan orang suruhan atau ejen pekongsi dalam perniagaan tersebut atau bertanggungjawab sedemikian;

Seorang pekerja yang menerima gaji daripada majikannya, terdapat perhubungan di antara tuan dan pengkhidmat, dengan itu perkongsian tidak wujud.

Pemerhatian

Definisi 'perniagaan' (business) dalam AP adalah termasuk pekerjaan, yang boleh turut bermaksud suatu penggajian, tetapi definisi 'perniagaan' dalam ACP tidak memasukkan penggajian.

- (iii) seorang balu atau seorang anak kepada pekongsi yang meninggal dunia, dan menerima dengan cara anuiti suatu bahagian keuntungan yang dibuat dalam perniagaan yang mana orang yang meninggal dunia tersebut adalah pekongsi, adalah tidak, hanya dengan alasan penerimaan tersebut sahaja, merupakan pekongsi dalam perniagaan atau bertanggungjawab sedemikian;

Seorang balu yang menerima bahagian keuntungan pekongsi yang meninggal dunia tidak dianggap pekongsi dalam suatu perkongsian.

- (iv) pendahuluan wang dengan cara suatu pinjaman kepada seorang yang terlibat atau akan terlibat dalam apa-apa perniagaan atas suatu kontrak dengan orang itu yang mana pemberi pinjam menerima suatu kadar faedah yang berubah dengan mengikut keuntungan tersebut, atau menerima suatu bahagian keuntungan, yang terbit daripada menjalankan perniagaan itu, tidak dengan sendirinya menjadikan pemberi pinjaman itu pekongsi dengan orang itu atau beberapa orang yang menjalankan perniagaan tersebut atau bertanggungjawab sedemikian, dengan syarat kontrak itu bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak semua pihak-pihak kepadanya; dan

Sebagai contoh, berdasarkan suatu kontrak bertulis, Yong bersetuju untuk memberi pendahuluan kepada Joshua dan sebagai pulangan Yong akan dibayar suatu faedah bersamaan RM10 atas setiap RM1,000 keuntungan perniagaan Joshua, tidak menjadikan Yong dan Joshua sebagai pekongsi.

- (v) seseorang yang menerima, dengan cara anuiti atau selainnya, suatu bahagian daripada keuntungan suatu perniagaan sebagai balasan kepada penjualan nama baik perniagaannya, adalah bukan dengan alasan penerimaan tersebut sahaja, pekongsi dalam perniagaan tersebut atau bertanggungjawab sedemikian.

Sanusi menjual perniagaannya Restu Enterprise termasuk nama baik perniagaan itu kepada Arif. Beliau memperkenalkan Arif kepada pelanggan-pelanggan sedia ada Restu Enterprise dan menerima suatu bahagian daripada keuntungan perniagaan Restu Enterprise sebagai balasan atas jualan nama baik tersebut, tidak menjadikan mereka sebagai pekongsi.

## 6.2 Pertimbangan fakta-fakta dalam penentuan kewujudan perkongsian

Tafsiran bagi suatu perkongsian merupakan satu persoalan undang-undang. Jalinan hubungan antara pihak-pihak yang ditunjukkan melalui cara mereka menjalankan suatu perniagaan merupakan satu persoalan fakta. Soalan-soalan berikut boleh membantu dalam menentukan kewujudan suatu perkongsian:

- (a) sama ada terdapat perjanjian perkongsian rasmi iaitu suatu surat ikatan perkongsian;
- (b) sama ada perkongsian tersebut berdaftar dengan mana-mana badan sewajarnya seperti SSM, Institut Akauntan Malaysia, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, dan sebagainya;
- (c) sama ada terma-terma surat ikatan perkongsian sememangnya diikuti – kewujudan semata-mata suatu surat ikatan perkongsian adalah bukti tetapi tidak kukuh;
- (d) bagaimana keuntungan dikongsi iaitu asas pembahagian untung dan rugi perkongsian itu, siapa yang berhak kepada bahagian tersebut, dan siapa bertanggungjawab terhadap kerugian;
- (e) penama pada akaun bank perkongsian, orang yang diberi kuasa untuk membuat pengeluaran daripada akaun bank atau menandatangani cek dan sama ada terdapat sebarang had yang dikenakan terhadap penandatanganan tertentu;

- (f) nama yang tertera pada kepala surat perniagaan perkongsian, premis perniagaan, dalam direktori perniagaan, dan dalam daftar SSM;
- (g) sama ada pemiutang mengetahui kewujudan suatu perkongsian itu;
- (h) apakah aturan yang ditetapkan berkaitan saraan pekongsi (jika ada), keuntungan yang dikongsi dan ambilan;
- (i) apakah pemilikan yang dimiliki oleh setiap pekongsi secara individu terhadap aset perniagaan;
- (j) apakah kedudukan sewaktu pembubaran perkongsian atau kematian seorang pekongsi;
- (k) apakah modal (jika ada) yang telah disumbangkan oleh setiap pekongsi secara individu dan apakah kadar faedah yang dibenarkan terhadap pekongsi tersebut;
- (l) bagaimana kepentingan setiap pekongsi secara individu dikendalikan dalam buku-buku dan akaun-akaun perkongsian tersebut;
- (m) adakah seorang individu yang mengaku sebagai pekongsi melaksanakan hak dan tanggungjawab sebenar sebagai pekongsi atau adakah beliau bertindak sebagai prinsipal (seseorang dengan kuasa eksekutif) atau seorang pekerja.

### 6.3 Pemilikan bersama dan perkongsian

Seorang pemilik bersama suatu harta (contohnya bangunan atau tanah) tidak semestinya menjadi pekongsi. Perbezaan utama antara suatu pemilikan bersama dan suatu perkongsian adalah seperti berikut:

<b>Butiran</b>	<b>Pemilikan bersama</b>	<b>Perkongsian</b>
Perjanjian	Suatu perjanjian tidak semestinya boleh mewujudkan pemilikan bersama terhadap suatu harta tanah.	Suatu perkongsian adalah tertakluk kepada terma-tema secara bertulis atau lisan yang dipersetujui di antara pekongsi.
Perkongsian untung dan rugi	Terma-terma pemilikan bersama tidak melibatkan untung dan rugi.	Berkongsi untung / rugi adalah suatu ciri perkongsian dan ia melibatkan suatu perniagaan dijalankan.

Pindahan kepentingan	Seorang pemilik bersama boleh memindahkan kepentingannya dengan atau tanpa persetujuan pemilik bersama lain.	Pindahan kepentingan pekongsi bergantung kepada surat ikatan perkongsian tersebut. Seorang pekongsi tidak boleh memindahkan kepentingannya tanpa pengetahuan atau persetujuan semua pekongsi lain.
Ejen	Seorang pemilik bersama tidak mempunyai kuasa untuk mengikat pemilik bersama lain.	Seorang pekongsi merupakan seorang ejen, sama ada dinyatakan atau tersirat, kepada pekongsi lain.
Lien (hak undang-undang)	Seorang pemilik bersama tidak mempunyai lien terhadap harta milik bersama, untuk perbelanjaan, atau apa-apa yang boleh diperoleh daripada yang lain sebagai bahagian mereka kepada suatu hutang bersama.	Seorang pekongsi mempunyai lien terhadap apa-apa yang dimiliki bersama, untuk dibelanjakan atau perbelanjaan, atau apa-apa yang boleh diperoleh daripada yang lain sebagai bahagian mereka kepada suatu hutang bersama.
Hak untuk membahagikan harta	Seorang pemilik bersama boleh menuntut agar harta yang dimilikinya dipecah bahagian di antara dirinya dan pemilik bersama lain.	Seorang pekongsi tidak mempunyai hak untuk pecah bahagian dalam bentuk <i>specie</i> dan dalam pembubaran suatu perkongsian, pekongsi itu boleh ambil tindakan undang-undang terhadap bahagiannya dalam harta perkongsian.
Tujuan perwujudan	Tujuan pemilikan bersama tidak semestinya untuk menjana suatu keuntungan atau laba.	Tujuan membentuk suatu perkongsian adalah untuk menjana keuntungan atau

		laba yang dikongsi antara pekongsinya.
--	--	--

#### 6.4 Surat ikatan perkongsian

- (a) Kebiasaannya suatu surat ikatan perkongsian disediakan, tetapi surat ikatan tersebut dengan sendirinya tidak menunjukkan kewujudan suatu perkongsian. Kewujudan suatu surat ikatan perkongsian semata-mata tidak membentuk suatu hubungan di antara pekongsi. Jika terma-terma perjanjian tidak dilaksanakan dan dikuatkuasakan, tidak terdapat hubungan dan suatu perkongsian tidak wujud.
- (b) Suatu surat ikatan perkongsian disediakan untuk menjelaskan hak, tanggungjawab dan kepentingan pekongsi dan termasuk yang berikut:
- (i) amaun modal yang disumbangkan oleh setiap pekongsi;
  - (ii) pengagihan keuntungan dan kerugian yang dipersetujui;
  - (iii) aturan dipersetujui terhadap ambilan pekongsi;
  - (iv) saraan (jika ada) perlu dibayar kepada pekongsi;
  - (v) faedah (jika ada) atas modal yang disumbangkan kepada setiap pekongsi, atau yang dikenakan atas ambilannya;
  - (vi) peruntukan bagi penyediaan akaun beraudit tahunan.
- (c) Suatu surat ikatan perkongsian berkuatkuasa hanya pada tarikh ianya dilaksanakan. Ia boleh mempunyai tempoh tetap atau tidak ditetapkan. Suatu “perkongsian terbuka” adalah yang mana pekongsinya tidak bersetuju untuk kekal sebagai pekongsi sehingga tamat suatu tempoh ditetapkan atau penyempurnaan suatu janji tertentu. Ini bermaksud perkongsian tersebut boleh dibubarkan oleh mana-mana pekongsi pada bila-bila masa tanpa apa-apa liabiliti.
- (d) Ketiadaan suatu surat ikatan atau perjanjian perkongsian rasmi untuk menunjukkan dua (2) atau lebih orang berhasrat bagi menubuhkan suatu perkongsian untuk menjalankan suatu perniagaan bersama, tidak bermaksud suatu perkongsian tidak wujud. Suatu perkongsian boleh wujud jika pekongsi boleh membuktikan adanya suatu perhubungan sah dalam menjalankan suatu perniagaan untuk tujuan membuat keuntungan walaupun pekongsi itu tidak pernah berniat untuk mewujudkan perhubungan tersebut. Dalam ketiadaan suatu surat ikatan –

- (i) kebiasaannya pekongsi berhak kepada bahagian yang sama rata terhadap modal, keuntungan dan kerugian;
- (ii) pekongsi kebiasaannya tidak berhak mendapat gaji, begitu juga faedah atas modal;
- (iii) semua pekongsi berperanan dalam pengurusan perkongsian tersebut.

#### 6.5 Usaha sama

Secara amnya, suatu usaha sama tidak disifatkan sebagai suatu perkongsian. Terdapat perbezaan antara suatu usaha sama dan suatu perkongsian. Hanya apabila suatu usaha sama mempunyai asas suatu perkongsian, dalam keadaan demikian barulah suatu usaha sama akan dianggap sebagai suatu perkongsian. Di mana suatu usaha sama ditubuhkan untuk suatu tempoh terhad atau untuk suatu perjanjian tunggal dan jika pihak-pihak terbabit bersetuju untuk berkongsi hasil kasar dan perbelanjaan berbanding berkongsi keuntungan, usaha sama itu berkemungkinan tidak membentuk suatu perkongsian.

#### 6.6 Contoh analisis dalam penentuan sama ada wujud suatu perkongsian

##### **Contoh 1**

JJM Developer Sdn. Bhd. (syarikat) telah mengenal pasti sebidang tanah untuk pembangunan rumah kedai tetapi tidak mempunyai dana diperlukan untuk membeli tanah tersebut. Syarikat telah membuat aturan dengan Yazid, yang mana Yazid akan membeli tanah tersebut untuk pembangunan dan syarikat akan dibayar 50% daripada untung bersih selepas projek siap. Sebagai tambahan, syarikat bersetuju untuk membantu dalam projek dan berkongsi kerugian ditanggung (jika ada). Yazid and syarikat bersetuju iaitu mereka tidak berniat untuk menubuhkan suatu perkongsian dan aturan mereka tidak dianggap suatu perkongsian.

Berdasarkan fakta-fakta kes, suatu perkongsian disifatkan wujud kerana kedua-dua syarikat dan Yazid bersetuju berkongsi keuntungan dan kerugian perniagaan. Ianya memenuhi ciri-ciri suatu perkongsian walaupun kedua-dua pihak menafikan niat dan aturan mereka menubuhkan suatu perkongsian.

##### **Contoh 2**

Anthony dan Benjamin terlibat bersama dalam perniagaan menghasilkan dan menjual produk kecantikan di bawah nama firma Ant & Ben. Setiap orang daripada mereka menyumbang RM50,000 untuk memulakan perniagaan tersebut. Tiada surat ikatan perkongsian ditandatangani dan perniagaan tidak didaftarkan dengan SSM. Kedua-dua mereka bersetuju untuk berkongsi sama rata keuntungan dan

kerugian perniagaan dan menyenggarakan satu akaun bank atas nama mereka bersama yang mana kedua-duanya merupakan penandatanganan.

Berdasarkan fakta-fakta kes, Ant & Ben disifatkan pekongsi suatu perkongsian disebabkan -

- (a) kedua-dua Anthony dan Benjamin bersetuju untuk berkongsi sama rata keuntungan dan kerugian walau pun dalam ketiadaan suatu perjanjian perkongsian ditandatangani atau surat ikatan perkongsian;
- (b) kedua-duanya menyumbang modal untuk memulakan perniagaan; dan
- (c) satu akaun bank bersama disenggarakan serta kedua-dua mereka merupakan penandatanganan.

### Contoh 3

Xavier dan Yvonne memulakan suatu perniagaan pengangkutan di bawah nama Perkhidmatan Pengangkutan Cergas. Dipersetujui bahawa –

- (a) Xavier akan membekalkan modal diperlukan untuk menubuhkan perniagaan dan Yvonne akan menyelia operasi perniagaan;
- (b) Yvonne akan dibayar suatu gaji bulanan tetap dan akan menerima 20% untung bersih (jika ada) sebagai suatu insentif atau bonus selepas menolak belanja operasi manakala Xavier akan menerima baki keuntungan. Kerugian perniagaan tidak ditanggung oleh Yvonne.

Berdasarkan fakta-fakta kes, tidak wujud suatu perkongsian disebabkan –

- (a) tidak ada perkongsian keuntungan dan kerugian perniagaan antara Xavier dan Yvonne;
- (b) kadar 20% untung bersih (selepas menolak belanja operasi, jika ada) yang diberi kepada Yvonne tidak dalam maksud berkongsi keuntungan (atau kerugian) tetapi suatu skim insentif;
- (c) Yvonne dibayar gaji tetap, wujud hubungan majikan dan pengkhidmat; dan
- (d) Xavier adalah pemilik tunggal perniagaan itu dan Yvonne adalah seorang pekerja.

### Contoh 4

Axcell Sdn Bhd, sebuah syarikat keluli dan Berimbun Sdn Bhd, sebuah syarikat kayu mengikat suatu perjanjian dengan Comforture Sdn Bhd, sebuah kilang perabot untuk menghasilkan dan menjual perabot. Axcell Sdn Bhd dan Berimbun Sdn Bhd masing-masing akan membekalkan keluli dan kayu gergaji kepada Comforture Sdn Bhd untuk perniagaan pembuatan perabot. Dipersetujui secara



rasmi bahawa keuntungan dan kerugian daripada jualan perabot akan dikongsi secara sama rata di kalangan ketiga-tiga syarikat itu.

Berdasarkan fakta-fakta kes, suatu perkongsian wujud disebabkan –

- (a) terdapat sekutuan tiga syarikat itu;
- (b) ketiga-tiga syarikat itu menggabungkan hak, kuasa, harta, tenaga kerja dan kemahiran untuk tujuan menjalankan suatu perniagaan; dan
- (c) terdapat keuntungan dan kerugian dikongsi sama rata di kalangan tiga syarikat itu.

#### **Contoh 5**

Suatu konsortium ditubuhkan di antara Zoux Pte Ltd, suatu syarikat asing dan Yusheng Sdn Bhd untuk mendapatkan suatu projek pembinaan di Malaysia. Setiap pihak perlu melaksanakan fungsi tertentu seperti ditetapkan dalam kontrak mereka dengan Kerajaan Negeri. Semua pendapatan dan perbelanjaan diambilkira dalam akaun-akaun konsortium. Pada akhir kontrak, keuntungan konsortium akan diagihkan berdasarkan nisbah dipersetujui iaitu 49% untuk Zoux Pte Ltd dan 51% untuk Yusheng Sdn Bhd.

Berdasarkan fakta-fakta kes, suatu perkongsian wujud disebabkan –

- (a) kedua-dua syarikat bersetuju atas bahagian keuntungan mereka pada nisbah 49% dan 51% apabila mereka menandatangani kontrak dengan Kerajaan Negeri; dan
- (b) semua pendapatan dan perbelanjaan daripada projek diambilkira dalam akaun konsortium.

#### **Contoh 6**

Seorang pemaju harta tanah mengikat suatu perjanjian dengan Khairil, pemilik tanah untuk membangunkan 60 unit apartmen mewah bertingkat rendah di atas tanah tersebut. Berdasarkan perjanjian itu –

- (a) Khairil merupakan pemilik berdaftar tanah itu dan memberi suatu surat kuasa wakil kepada pemaju tersebut untuk membangunkan tanah itu;
- (b) Sebagai balasan, Khairil akan menerima 25 unit apartmen siap dibina; dan
- (c) semua perbelanjaan pembangunan ditanggung oleh pemaju yang akan menerima baki 35 unit apartmen siap dibina.

Berdasarkan fakta-fakta kes, suatu perkongsian tidak wujud disebabkan –

- (a) tidak terdapat keuntungan dan kerugian perniagaan yang dikongsi di antara pemaju dan Khairil;



- (b) pengagihan pendapatan adalah pada pendapatan kasar dan bukan pada keuntungan disebabkan Khairil menerima 25 unit apartmen semata-mata ditukarkan dengan tanahnya dan pemaju menerima 35 unit bagi membina sejumlah 60 unit apartmen; dan
- (c) tidak terdapat akaun-akaun perkongsian tetapi akaun-akaun itu disenggara oleh pemaju yang menanggung semua perbelanjaan pembangunan.

### Contoh 7

Destar Sdn Bhd dan Fukurama Sdn Bhd mengikat suatu perjanjian untuk secara bersama mengemukakan suatu bidaan bagi suatu projek pembinaan dan berjaya memperoleh kontrak tersebut. Terma-terma perjanjian adalah -

- (a) jumlah kontrak akan dibahagikan secara sama rata di antara dua pihak;
- (b) setiap pihak akan melaksanakan tanggungjawab masing-masing berdasarkan skop kerja yang ditetapkan secara jelas dalam perjanjian iaitu Destar Sdn Bhd membekalkan bahan-bahan mentah dan aset-aset manakala Fukurama Sdn Bhd menyediakan tenaga manusia profesional dan berkemahiran; dan
- (c) perbelanjaan yang dilakukan oleh setiap pihak seperti dinyatakan di dalam perjanjian itu ditanggung oleh pihak-pihak secara berasingan.

Berdasarkan fakta-fakta kes, suatu perkongsian tidak wujud disebabkan –

- (a) tidak terdapat keuntungan dan kerugian perniagaan dikongsi di antara pihak-pihak tersebut;
- (b) jumlah kontrak yang dikongsi adalah pada peringkat pendapatan kasar; dan
- (c) tiada perniagaan bersama kerana setiap pihak menanggung sendiri kos pembekalan bahan-bahan mentah dan penyediaan tenaga kerja masing-masing.

Nota: Perkongsian tidak wujud walaupun pembida-pembida tersebut mungkin dipertanggungjawabkan secara bersesama dan berasingan terhadap sebarang kecacatan dalam pelaksanaan kontrak.

## 7. Jenis-jenis Pekongsi

Merujuk kepada subseksyen 19(6) ACP, seseorang bukan suatu pekongsi dalam suatu perkongsian sekiranya beliau tidak secara peribadi melibatkan diri dalam menjalankan perniagaan perkongsian. Walaupun secara amnya, perkongsian boleh mempunyai jenis pekongsi yang berbeza namun bagi tujuan pencukaian atas pekongsi, adalah penting untuk membezakan jenis-jenis pekongsi dalam suatu perkongsian.

#### 7.1 Pekongsi aktif

Juga dikenali sebagai pekongsi kerja atau pekongsi penuh, yang terlibat secara aktif dalam perniagaan dan pengurusan perkongsian itu. Pendapatan pekongsi aktif daripada perkongsian itu dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP sebagai pendapatan daripada punca perniagaan.

#### 7.2 Pekongsi bergaji

- (a) Pekongsi bergaji merupakan pekongsi dalam suatu perkongsian yang menerima suatu gaji tetap dengan atau tanpa suatu komisen atau bahagian keuntungan tetapi tidak berkongsi kerugian perkongsian. Lazimnya pekongsi bergaji tidak mempunyai hak dalam muhibah perkongsian atau mengarah perkongsian itu.
- (b) Sama ada pekongsi bergaji adalah sebenarnya pekongsi dalam suatu perkongsian merupakan satu persoalan fakta iaitu ia bergantung kepada fakta-fakta setiap kes tersendiri. Sekiranya dalam perkongsian tersebut beliau semata-mata seorang pekerja, pendapatannya daripada perkongsian itu dikenakan cukai di bawah perenggan 4(b) ACP.
- (c) Oleh itu, bagi tujuan pencukaian, pekongsi bergaji tidak dianggap sebagai pekongsi penuh dan kemasukan atau persaraannya daripada perkongsian tidak menyebabkan suatu perubahan kepada perkongsian itu.

#### 7.3 Pekongsi tidak aktif

Juga dikenali sebagai pekongsi tidur atau dorman, dan tidak menyertai pengendalian suatu perniagaan perkongsian. Beliau menerima suatu bahagian keuntungan perkongsian semata-mata menerusi sumbangan modalnya. Pendapatan seorang pekongsi tidak aktif daripada perkongsian dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP.

#### 7.4 Pekongsi terhad

Pekongsi terhad bersetuju mencarum suatu amaun tetap modal untuk perkongsian itu semata-mata. Beliau tidak mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian dan tiada kuasa mengikat perkongsian tersebut. Bagi tujuan menentukan bahagian untung atau rugi pekongsi terhad, beliau dilayan sama keadaannya seperti pekongsi aktif atau pekongsi penuh. Oleh yang demikian, pendapatan pekongsi terhad daripada perkongsian dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP.

#### 7.5 Pekongsi korporat

Pekongsi korporat merujuk kepada suatu syarikat yang boleh menjadi pekongsi aktif atau pekongsi terhad dalam suatu perkongsian. Pekongsi-pekongsi dalam suatu perkongsian boleh terdiri daripada syarikat-syarikat semata-mata. Pendapatan pekongsi korporat daripada perkongsian dikenakan cukai bawah perenggan 4(a) ACP.

#### 7.6 Pekongsi duluan

Pekongsi duluan di bawah perenggan 86(1)(a) ACP adalah pekongsi yang mana, merupakan pekongsi yang berada di Malaysia:

- (a) adalah penama pertama di dalam suatu perjanjian perkongsian; atau
- (b) sekiranya tiada perjanjian perkongsian, dinyatakan melalui nama atau huruf pertama nama secara berseorangan atau secara duluan berbanding pekongsi lain dalam nama biasa firma itu.

### 8. Akaun-akaun Perkongsian

Akaun-akaun suatu perniagaan perkongsian kebiasaannya disediakan dengan cara yang sama seperti akaun-akaun perniagaan tunggal kecuali berikut:

- (a) Akaun-akaun modal dan ambilan bagi setiap pekongsi disediakan secara berasingan. Di mana pengeluaran berlebihan dari akaun modal atau ambilan seorang pekongsi, beliau didebitkan dengan faedah dan bukannya dikreditkan dengan faedah, apa-apa kredit sepadan kepada akaun untung dan rugi mesti ditolak dalam pengiraan cukai pendapatan;
- (b) Pada akhir setiap tempoh perakaunan, untung atau rugi bersih diagihkan mengikut nisbah untung dikongsi seperti mana surat ikatan perkongsian itu. Setiap bahagian pekongsi dipindahkan ke akaun modal atau ambilan masing-masing;
- (c) Sekiranya seorang pekongsi berhak kepada saraan, akaun untung dan rugi didebitkan dan dikreditkan ke akaun ambilan pekongsi tersebut;
- (d) Apabila faedah dibenarkan atas modal pekongsi akaun untung dan rugi didebitkan dan dikreditkan akaun modal (atau akaun ambilan) berkaitan;
- (e) Sebaliknya, bila mana faedah dikenakan atas pengeluaran modal berlebihan, akaun untung dan rugi dikreditkan dan didebitkan akaun modal (atau akaun ambilan) berkaitan.

Adalah diperhatikan bahawa saraan pekongsi dan faedah atas modal adalah diperuntukkan daripada keuntungan perkongsian, dan bukan perbelanjaan perniagaan

tersebut. Butiran berkenaan didebitkan ke dalam akaun untung rugi untuk tidak dibenarkan dalam mengira pendapatan larasan sementara perkongsian itu.

## **9. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan**

Keuntungan suatu perkongsian tidak dicukaikan di peringkat perkongsian. Walaupun suatu perkongsian bukan orang yang boleh dikenakan cukai, semua perkongsian dikehendaki untuk memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang P) secara tahunan. Menurut peruntukan subseksyen 86(1) ACP, Borang P untuk setiap tahun taksiran perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri tidak lewat daripada 30 Jun dalam tahun berikutan tahun taksiran berkenaan.

9.1 Tanggungjawab memfailkan Borang P terletak kepada -

(a) pekongsi duluan perkongsian tersebut; atau

(Pekongsi duluan juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan satu Pembahagian Pendapatan Perkongsian dalam Borang CP30 kepada setiap pekongsi. Borang CP30 perlu disediakan untuk setiap pekongsi bagi membolehkan mereka mengisytiharkan pendapatan perkongsian mereka dalam tempoh yang ditetapkan.)

(b) mana-mana wakil sah, ejen, pengurus atau faktor perkongsian tersebut di Malaysia sekiranya tiada wakil pekongsi berada di Malaysia.

9.2 Pembubaran perkongsian

Menurut subseksyen 86(3) ACP, jika suatu perkongsian dibubarkan seperti mana terhadap semua pekongsinya, orang-orang yang merupakan pekongsi perkongsian sebaik sahaja sebelum pembubaran itu disifatkan kekal sebagai pekongsi untuk tujuan pemfailan Borang P bagi perkongsian yang dibubarkan itu.

## **10. Penafian**

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

KU ini perlu dibaca bersama dengan KU No. 8/2021 bertajuk Percukaian Perkongsian Bahagian II – Pengiraan Dan Agihan Pendapatan.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri.**